

11 AUG 1997

Mahathir-Semerak

SEMERAK: KEMENANGAN BN SATU PETANDA NAIK, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menyifatkan kemenangan calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Semerak sebagai satu petanda baik bagi Umno dan BN Kelantan.

Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO, berkata beliau bersyukur dengan kemenangan BN pada pilihan raya itu.

"BN akan menunaikan janjinya kepada penduduk kawasan itu," kata beliau ketika diminta mengulas kejayaan BN itu selepas meraikan Pengerusi Bersama Majlis Menteri-menteri Bosnia dan Herzegovina Boro Botic dan Haris Silajdzic di Sri Perdana.

Calon BN Kamarudin Mohd Nor, 50, memperolehi 5,370 undi untuk menewaskan calon PAS Wan Mohd Fauzi Wan Hussain, 37, yang mendapat sebanyak 4,592 undi dan calon Angkatan Keadilan Insan Malaysia (AKIM) Mohd Din Nizam Din, 57, yang mendapat 27 undi.

"Ini satu petanda baik bagi Umno dan BN di Kelantan dan BN akan tunaikan janji yang dibuat kepada penduduk di kawasan itu," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya sama ada kemenangan BN itu menunjukkan rakyat Kelantan mahukan perubahan, Dr Mahathir berkata: "Sekurang-kurangnya di tempat itu ada pertukaran walaupun dahulu PAS tetapi sekarang (mereka) tukar selera dan menerima Umno dan BN."

Dr Mahathir juga berkata kejayaan BN juga disebabkan oleh usaha gigih Umno Kelantan.

Beliau mengucapkan tahniah kepada Umno dan BN Kelantan kerana kejayaan itu.

-- BERNAMA

ARA MAI